

## Kearifan Masyarakat Prasejarah Jenderam Hilir Melalui Jumpaan Artifak Arkeologi

### Local Genius of Prehistoric Jenderam Hilir Through Archeological Artifact Findings

MUHAMAD SHAFIQ MOHD ALI & ZULISKANDAR RAMLI

#### ABSTRAK

*Jenderam Hilir mula menjadi sebutan apabila sebuah syarikat perlombongan timah telah menjumpai artifak-artifak sewaktu melakukan kerja-kerja perlombongan pada 1977 hingga 1979. Jumpaan artifak di lembangan sungai ini menunjukkan perkembangan sosial dan budaya masyarakat melalui artifak dan teknologi masyarakat waktu itu. Jumpaan artifak menunjukkan terdapatnya perkembangan sosio-budaya masyarakat tempatan dari zaman Neolitik hingga zaman Logam. Oleh yang demikian, artifak ini boleh dijadikan panduan bagaimana tahap pemikiran masyarakat Jenderam waktu itu. Ini bagi merungkai sama ada barangan ini di bawa dari luar atau dibuat di kawasan sekitar. Jika barangan ini dibawa dari luar bermakna sudah ada perhubungan perdagangan antara masyarakat di Jenderam dengan pelabuhan pembekal lain seperti entrepot yang berada di Klang ataupun Kedah. Jika barangan yang dijumpai dibuktikan dibuat di kawasan sekitar bermakna masyarakat waktu itu telah mempunyai teknologi dan kearifannya tersendiri. Oleh yang demikian, jumpaan artifak ini menunjukkan kepentingan daripada sudut arkeologi tapak Jenderam Hilir ini khususnya dan Selangor amnya. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan mengumpulkan kembali hasil-hasil penyelidikan yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk menilai kembali kepentingan tapak Jenderam Hilir bagi dijalankan kajian semula melalui kaedah ekskavasi.*

*Kata kunci: Jenderam Hilir; prasejarah Selangor; artifak arkeologi*

#### ABSTRACT

*Jenderam Hilir begins to be well known when a tin mining company found several artefacts during a mining work from 1977 to 1979. The artifact found along the river basin proves that there was a social development and society's culture in the past. The study also reveals how those artefacts imply the availability of the socio culture development from Neolithic to metal age. Drawing to such findings, this study contends that this artifact can actually become a guide on determining the thinking level of the Jenderam community in the past. This is also to unravel whether all artefacts found were from outside or made in the same area. Should these artefacts were brought from outside, this means that the community of the past already have trade relationship with other supplier port such as the entrepot in Klang or Kedah. If artefacts found are proven to be made in the surrounding areas, this implies that there are certain technologies being applied with distinctive local wisdoms too. The study concludes that Jenderam Hilir in Selangor has undergone dramatic changes with a long and significances throughout history. This study employed library research as the main methodology in which all variables are explored from three main keywords namely Jenderam Hilir, Selangor, pre historic and archaeological artifact. Purpose of this study carried out is to reevaluate Jenderam Hilir site interest to be carried out review through excavation method.*

*Keywords: Jenderam Hilir; Selangor prehistoric; archaeology artifact*

#### PENGENALAN

Jenderam Hilir mula menjadi sebutan apabila sebuah syarikat perlombongan timah telah menjumpai artifak-artifak sewaktu melakukan kerja-kerja perlombongan pada 1977 hingga 1979. Kawasan Jenderam Hilir ini terletak berhampiran dengan cabang pertemuan antara Sungai Semenyih dan Sungai Langat (Leong 1977; Batchelor 1977). Jumpaan artifak di lembangan sungai ini menunjukkan perkembangan sosial dan


budaya masyarakat melalui artifak dan teknologi masyarakat waktu itu. Kekayaan sumber alam juga dapat mempengaruhi perkembangan penempatan manusia dan dapat membantu dalam menjalin hubungan dengan wilayah luar (Zuliskandar & Nik Hassan 2010).

Pentarikhan mutlak telah dilakukan terhadap tapak Jenderam Hilir menunjukkan pentarikhan 4290±200BP dan 2490±90BP (Leong 1986). Pentarikhan ini dilakukan terhadap sampel tembikar

tanah, kepingan perahu dan juga debunga tumbuhan yang diperoleh. Tarikh  $4290 \pm 200$ BP merupakan tarikh perkembangan budaya Neolitik manakala  $2490 \pm 90$ BP merupakan tarikh kebudayaan zaman Logam.

Artifak yang dijumpai merupakan tinggalan masyarakat prasejarah yang pernah menduduki kawasan sekitar Jenderam pada hari ini. Tapak Jenderam Hilir adalah sangat penting dalam kronologi prasejarah Malaysia kerana tapak ini berada di kawasan terbuka seperti Guar Kepah di Pulau Pinang dan beberapa tapak lain lagi. Tapak Neolitik terbuka ini boleh dikaitkan dengan penempatan masyarakat Austronesia di Semenanjung Malaysia (Ahmad Hakimi 2011). Kebanyakan tapak prasejarah di Malaysia dijumpai di kawasan batu lindungan atau batu kapur seperti di Gua Cha (Kelantan), Gua Lembu (Perlis) dan beberapa buah gua lain.

Artifak-artifak ini merupakan antara tinggalan yang digunakan oleh masyarakat lampau dalam kehidupan seharian. Jumpaan artifak menunjukkan terdapatnya perkembangan sosiobudaya masyarakat tempatan dari zaman Neolitik hingga zaman Logam (Zuliskandar 2010). Oleh yang demikian, artifak ini boleh dijadikan panduan bagaimana tahap pemikiran masyarakat Jenderam waktu itu. Ini bagi merungkai sama ada barangan ini di bawa dari luar atau dibuat di kawasan sekitar. Jika barangan ini dibawa dari luar bermakna sudah ada perhubungan perdagangan antara masyarakat di Jenderam dengan kawasan lain. Jika barangan yang dijumpai dibuktikan dibuat di kawasan sekitar bermakna masyarakat waktu itu telah mempunyai teknologi dan kearifannya tersendiri. Oleh yang demikian, jumpaan artifak ini menunjukkan kepentingan daripada sudut arkeologi tapak Jenderam Hilir ini khususnya dan Selangor amnya.



RAJAH 1. Peta Kawasan Arkeologi Jenderam Hilir

Sumber: Batchelor 1977

## JUMPAAN ARTIFAK

Antara jumpaan artifak yang ditemui sewaktu kerja-kerja gali arkeologi dilakukan di kawasan Jenderam Hilir adalah seperti alat batu iaitu 21 beliung batu persegi empat panjang, 1 beliung batu, 1 pisau Tembeling, 1 pisau batu berleher Dengkil, 2 batu berbentuk bulat dan kepingan batu berserta batu asahan, pendayung perahu, mangkuk tembaga, jongkong timah dan pelbagai bentuk pecahan tembikar (Leong 1977; Batchelor 1977; Adi Hj. Taha 1983). Jumpaan-jumpaan ini merupakan antara barangan tinggalan masyarakat yang menetap di Jenderam. Artifak ini telah dianalisis oleh beberapa orang sarjana seperti Batchelor (1977), Leong (1977), Stephen (1998).

## ALAT BATU

Leong (1977) menyatakan bahawa alat batu yang ditemui dibuat oleh masyarakat Neolitik akhir berdasarkan kepada bentuk dan alat batu yang bergilap. Antara jumpaan alat batu yang dilaporkan adalah 21 beliung batu persegi empat panjang, 1 beliung batu, 1 pisau Tembeling, 1 pisau batu berleher Dengkil, 2 batu berbentuk bulat dan kepingan batu berserta batu asahan (Leong 1977; Batchelor 1977; Adi Hj. Taha 1983). Jumpaan alat batu ini dapat disimpulkan di buat sekitar kawasan tersebut juga. Ini kerana terdapat jumpaan beberapa batu bergilap yang digunakan untuk membuat alatan batu. Selain itu jumpaan kapak batu berkepala segi empat yang masih belum siap dengan terdapatnya bahagian yang kasar dan jumpaan alatan batu yang masih belum dilicinkan. Bukti-bukti ini menunjukkan bahawa alatan batu ini dibuat di sekitar kawasan Jenderam Hilir.

Mohd Supian Sabtu (2007) telah membuat 7 kategori bagi alat batu yang ditemui di Jenderam Hilir. Pertama adalah pisau batu Tembeling yang merupakan jumpaan yang paling menarik. Jumpaan pisau batu ini boleh dibuat satu andaian bahawa masyarakat waktu tersebut telah melakukan aktiviti pertanian (Tweedie 1953; Mohd Supian 2007; Zuliskandar & Nik Hassan 2010) kerana pisau bentuk ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat Neolitik untuk menuai padi. Walaupun tidak mempunyai bukti yang kukuh berkenaan dengan aktiviti pertanian, Leong (1977) menyatakan bahawa tapak tersebut terletak dalam kawasan yang subur kerana banjir lumpur yang akan menyuburkan




GAMBAR 1. Beliung batu dijumpai di Jenderam Hilir

Sumber: Batchelor 1977


tanah untuk dibuat kawasan pertanian. Mohd Supian Sabtu (2007) juga menyatakan bahawa alat batu yang diasah di Jenderam jelas menunjukkan ia digunakan untuk tujuan penebangan dan pertanian. Oleh yang demikian, analisis polen perlu dilakukan untuk membuktikan kenyataan mengenai aktiviti pertanian oleh masyarakat tempatan waktu itu. Selain mengenai aktiviti pertanian tersebut, satu hal lain yang menjadi polemik adalah adakah masyarakat yang mendiami Jenderam adalah sama dengan masyarakat yang mendiami Tembeling? Ini kerana jarak yang jauh dan juga kesukaran untuk berhubung oleh sebab banjaran yang perlu dilalui. Bagaimana masyarakat Jenderam boleh mengambil contoh pisau Tembeling tersebut? Atau memang terdapat hubungan antara kedua masyarakat ini melalui Sungai Langat? Jumpaan lain pisau Tembeling di Malaysia seperti Gua Madu di Gua Musang dan Baling (Tweedie 1953) menunjukkan kawasan ini berhampiran dengan Tembeling. Paling terbaharu, terdapat jumpaan pisau Tembeling di Kg.

Kubang Pak Amin di Kubang Kerian (Zuliskandar et al. 2017). Ini tidak menghairankan kerana kawasan Ulu Tembeling boleh dihubungi melalui sungai ke Ulu Kelantan (Gua Musang) dan kemudian mudik ke hilir menerusi Sg. Kelantan di mana Kg. Kubang Pak Amin terletak berhampiran Sg. Kelantan. Jumpaan pisau Tembeling di Jenderam boleh diandaikan terdapatnya hubungan masyarakat Jenderam dan Tembeling melalui hubungan sungai.



GAMBAR 2. (a) Kapak berleher Dengkil; (b) Pisau Tembeling; (c) Kapak berleher

Kategori kedua adalah beliung batu yang mempunyai dua bentuk iaitu beliung batu segi empat panjang dan beliung persegi empat. Kategori ketiga adalah kapak batu. Kapak batu merupakan alat batu yang lebih kecil berbanding beliung batu. Perbezaan antara kedua artifak ini adalah daripada segi saiz dan juga mata asahannya. Kategori keempat adalah beliung batu berbahu kerana terdapat tonjolan persegi empat di bahagian tengahnya yang digunakan untuk mengikat beliung tersebut dengan tangkai.



GAMBAR 3. Beliung batu


Sumber: Batchelor 1977

Kategori kelima adalah gelang batu yang dicanai pada bahagian tengah sehingga menjadi bentuk bulat. Artifak jenis ini biasanya dikategorikan sebagai bahan perhiasan. Keenam merupakan batu pengasah dan ketujuh adalah alat batu yang digunakan sebagai lesung dan digunakan dengan pelbagai tujuan. Jika di Gua Cha dan Gua Madu di Gua Musang, Kelantan, ia digunakan sebagai penggiling hematit yang digunakan semasa upacara pengebumian masyarakat prasejarah dengan bukti terdapatnya kesan hematit pada lesung (Adi Hj. Taha 1999; Nik Hassan Shuhaimi 1999)

#### PENDAYUNG PERAHU

Terdapat 2 buah pendayung sampan dijumpai. Bentuk atau jenis pendayung ini tidak pernah ditemui di mana-mana kawasan di Semenanjung Malaysia. Pendayung ini dipercayai dibuat pada zaman Logam kerana Bacelor (1977) menyatakan daripada bentuk dan kaedah pembuatannya, ia perlu menggunakan alatan besi kerana kaedah dan bentuk potongannya yang licin dan rata serta lubang untuk memasukkan rotan yang licin dan simetri. Namun kajian etnografi di New Guinea membuktikan bahawa bentuk yang licin dan

simetri juga boleh dilakukan dengan menggunakan alatan batu. Pentarikan yang didapati daripada tapak menunjukkan kemungkinan pendayung ini digunakan sejak akhir zaman Neolitik hingga zaman Logam.



GAMBAR 4. Pendayung

Sumber: Batchelor 1977


#### MANGKUK GANGSA

Mangkuk gangsa yang dijumpai di Jenderam telah dibandingkan oleh Leong (1977) dengan mangkuk gangsa yang telah beliau jumpai dalam kerja gali cari di Kg. Sg. Lang di Kuala Langat, 24 km daripada Jenderam. Leong telah membuat kesimpulan bahawa terdapat hubungan antara kedua kawasan ini kerana persamaan bentuk mangkuk tembaga di samping kedua tapak ini berkongsi aliran sungai yang sama.

Kajian saintifik telah dilakukan terhadap sampel mangkuk yang dijumpai dan mendapati sampel ini mengandungi plumbum yang sangat rendah (Batchelor 1977). Lowenstein (1962)

menyatakan kandungan plumbum yang rendah dalam campuran aloi tidak boleh dikatakan datang daripada kebudayaan Dong-son kerana gangsa yang datang dari Dong-son seperti jumpaan gendang gangsa di Semenanjung mempunyai kandungan plumbum antara 18 hingga 22 peratus. Mangkuk ini juga tidak boleh dikatakan datang dari Jenderam kerana Linehan (1951) dan Lowenstein (1962) menyatakan semua objek gangsa yang selain dari Dong-son mungkin berasal dari utara Indochina atau China. Di samping itu, tiada bukti yang jelas berkenaan perlombongan tembaga di Jenderam dan tiada bukti deposit tembaga yang banyak dijumpai di kawasan Jenderam. Tembaga merupakan antara bahan utama dalam pembuatan aloi gangsa selain timah.

Batchelor (1977) mengandaikan mangkuk gangsa Jenderam mungkin digunakan dalam abad ke-8 hingga ke-14 Masihi. Ini kerana menurut Paul Wheatley (1959:39) China mula mengeksport porselin pada tahun 1216 Masihi. Kemasukan mangkuk gangsa mungkin mengalami penurunan pada abad ke-13M dengan meningkatnya kemasukan porselin dari China yang lebih bermutu dan cantik. Mangkuk gangsa juga boleh digunakan dalam jangka masa yang lama oleh sebab sifatnya yang tidak mudah pecah. Kemungkinan kemasukan mangkuk gangsa dari China bergantung pada pedagang yang berada di pesisir pantai. Oleh yang demikian, penggunaan seramik, porselin dan mangkuk gangsa di pedalaman seperti Jenderam bergantung pada komoditi perdagangan yang dilakukan oleh masyarakat di pesisir.



GAMBAR 5. Mangkuk gangsa

Sumber: Batchelor 1977


## JONGKONG TIMAH

Timah digunakan sebagai logam campuran untuk menghasilkan gangsa. Seperti yang diketahui, kawasan Jenderam mempunyai deposit timah yang banyak. Kemungkinan timah yang diperoleh dari Jenderam akan dibawa ke bahagian utara seperti Vietnam dan juga selatan Thailand melalui jalinan perdagangan. Masyarakat pesisir memainkan peranan dengan menjadi orang tengah kepada perdagangan dari pedalaman iaitu Jenderam kepada wilayah asing kerana masyarakat pesisir yang biasa dengan para pedagang dari wilayah asing (Zuliskandar & Nik Hassan 2010).

Jongkong timah yang ditemui merupakan jongkong timah padu berjisim 2.5 hingga 3 kg berbentuk segi empat sama. Bentuk jongkong timah ini banyak terdapat di beberapa bahagian di Malaysia dan dinamakan dengan mata wang tampang (William Shaw & Mohd Kassim 1970). Kebiasaannya tampang digunakan sebagai mata wang untuk urus niaga atau sebagai barangan komoditi untuk dieksport. Mata wang tampang pertama kali digunakan di Tanah Melayu yang diketahui pada 1409 Masihi seperti yang dicatatkan oleh Ma Yuan bahawa mata wang tampang telah digunakan sebagai mata wang sejak zaman Kesultanan Melaka (Temple 1914:13). Mata wang ini digunakan sehingga awal abad ke-19 iaitu sejak mata wang syiling diperkenalkan oleh British melalui syarikat mereka yang berniaga di Selangor (Shaw & Mohd Kassim 1970:6)

Jongkong timah dalam bentuk mata wang tampang yang dijumpai mungkin merupakan hasil daripada timah yang telah diproses dari lombong-lombong di Jenderam (Leong 1977). Ini kerana menurut Batchelor (1977), spesifik graviti yang relatif rendah menunjukkan penggunaan kaedah peleburan dan peningkatan kepekatan yang primitif. Namun tidak dapat diketahui pentarikhan relatif kerana jongkong ini dijumpai pada lapisan paling bawah dan jika diikutkan pada stratigrafi ia mungkin berada pada zaman paling awal. Tetapi perlu diingat bahawa jongkong ini mempunyai ketumpatan yang tinggi dan pastinya ia jatuh pada lapisan tertentu kerana jumpaan jongkong adalah selepas kerja-kerja perlombongan dilakukan. Jika diketahui waktu pembuatan jongkong ini, boleh dibuat suatu kronologi berkenaan zaman bila masyarakat di Jenderam sudah boleh mengawal api dengan suhu yang tinggi untuk meleburkan timah pada suhu 232°C. Boleh dibuat satu andaian bahawa tarikh

terawal bagi pembuatan mata wang tampang di Jenderam adalah pada abad ke-11 berdasarkan catatan Arab pada 850-1000 M (Tibbets 1956) dan catatan Cina pada 960 – 1127 M (Wheatley 1959) bahawa mereka mendapatkan timah sebagai bahan komoditi perdagangan dari kawasan Semenanjung Tanah Melayu.



GAMBAR 6. Mata wang tampang

Sumber: Batchelor 1977

## TEMBIKAR

Pecahan tembikar tanah merupakan antara artifak yang paling banyak ditemui. Terdapat juga dijumpai tembikar tanah yang masih lengkap. Terdapat tiga jenis tembikar tanah digunakan di Jenderam iaitu yang berfungsi sebagai belanga, kendi dan tembikar berkaki tiga. Bentuk dan fungsi tembikar ini adalah untuk perkakasan memasak dan juga bekas menyimpan makanan (Zuliskandar & Nik Hassan 2010). Tembikar tanah berkaki tiga menunjukkan adanya persamaan dengan artifak tembikar yang ditemui di Gua Berhala, Kodiang, Kedah dan juga Ban Kao, Thailand (Leong 1986).

Secara fizikal, dapat dilihat pembakaran yang tidak lengkap pada pecahan tembikar dengan kesan pengoksidaan karbon yang tidak lengkap. Ini menunjukkan tembikar ini telah dibakar di bawah suhu 600°C dengan menggunakan kaedah pembakaran terbuka. Dapat dilihat juga teksturnya yang sederhana kasar yang menunjukkan bahan mentahnya tidak dikisar sehingga halus.

Permukaannya juga tidak dilicinkan dan tidak digilap dengan sempurna. Berdasarkan keadaan fizikal yang dapat dilihat pada tembikar, dapat diketahui teknik yang digunakan untuk membuat tembikar seperti teknik putaran roda, pembentukan menggunakan tangan, segmentasi untuk melekatkan kaki tripod, penggelungan dan juga penggunaan pemukul-anvil (Stephen 1998:182).

Dapat dilihat dengan jelas penggunaan *grog* sebagai bahan pewaja dalam bahan mentah untuk membuat tembikar. *Grog* ialah tembikar yang telah dihancurkan dan kemudian dibancuh sekali dengan tanah liat sebelum dibentuk menjadi tembikar. Stephen (1997 & 1998) menyatakan penggunaan *grog* sebagai bahan pewaja menunjukkan pembuat tembikar prasejarah telah menyedari untuk menjaga kualiti hasil tembikar yang dihasilkan oleh mereka. *Grog* sangat sesuai untuk dijadikan bahan pewaja kerana apabila tembikar dibakar, *grog* mempunyai pengembangan terma yang sama dengan tanah liat. Oleh yang demikian, campuran *grog* yang sesuai digunakan untuk mengelakkan keretakan pada tembikar sewaktu proses pembakaran.

Tembikar tanah yang dijumpai di Jenderam Hilir diyakini dibuat di kawasan sekitar. Ini kerana mengikut Leong (1977) jumpaan beberapa batu anvil dan landas granit menunjukkan adanya aktiviti pembuatan tembikar secara tradisional. Kebanyakan pecahan tembikar yang dijumpai mempunyai kesan anvil pada bahagian dalamnya. Satu-satunya tembikar yang dijumpai lengkap juga mempunyai kesan tali pada bahagian badannya. Dipercayai tembikar yang dijumpai di Jenderam menggunakan kaedah pemukul-anvil dalam pembuatannya. Kebiasaannya terdapat satu pemukul yang akan dibalut dengan menggunakan tali untuk membuat corak pada badan tembikar.

Selain jumpaan anvil dan landas granit yang membuktikan penglibatan masyarakat tempatan waktu itu dalam pembuatan tembikar, kajian secara saintifik juga telah dilakukan oleh Stephen Chia dalam kajian sarjananya di USM pada 1992 kemudian diterbitkan sebagai monograf di Malaysia Museums Journal pada 1997 (Stephen 1997). Kajian yang telah dilakukan oleh beliau menunjukkan kandungan besi (Fe) dan kalsium (Ca) yang rendah dalam sampel dari Jenderam Hilir. Ini mungkin kerana tiada penyusupan kalsium daripada batu kapur pada permukaan dan liang pecahan tembikar. Stephen juga menyatakan bahawa nilai Ca dan Fe yang rendah menyokong bukti bahawa tembikar dari Jenderam telah dibuat dengan menggunakan tanah

liat yang berada di sekitar Jenderam. Ini kerana Jenderam terletak dalam kawasan yang rendah kandungan kalsium atau disebut *non-calcareous*. Bukti ini boleh dikukuhkan lagi dengan tekstur berpasir pada pecahan tembikar yang selari dengan kandungan tanah liat di sekitar Jenderam yang sedikit berpasir oleh kerana formasi Gula, Beruas dan Simpang yang berada di sekitar Jenderam.

Kajian mengenai tembikar berkaki tiga daripada sudut pola hidup masyarakat menunjukkan masyarakat yang menggunakan tembikar jenis ini lebih suka mendiami kawasan dataran rendah dan lembah aluvium yang subur. Ini kerana keadaan lembah aluvium dan dataran rendah yang subur dapat menampung cara kehidupan ekonomi dengan kaedah pertanian (Leong 1987; Sorensen & Hatting 1967). Kearifan masyarakat dapat dilihat dalam penggunaan teknik segmentasi dan juga gegelung dalam pembuatan tembikar kaki tiga di Jenderam. Penyambungan antara kaki dan badan tembikar menunjukkan terdapatnya kearifan masyarakat dalam pembuatan tembikar jenis ini. Terdapat bentuk lingkaran pada bahagian dalaman kaki tripod seperti ciri-ciri penggunaan teknik melingkar dalam pembuatan tembikar ini seperti yang dijumpai di Kodiang (Peacock 1959). Walaupun terdapat persamaan antara tembikar berkaki tiga yang dijumpai di Kodiang dan Jenderam, analisis saintifik yang dijalankan oleh Stephen (1997) menunjukkan tembikar ini telah dibuat di kawasan masing-masing. Persamaan antara dua kawasan yang berjarak dalam 400 km ini menunjukkan adanya hubungan antara dua kebudayaan dengan berlakunya pertukaran ilmu atau teknik berbanding aktiviti pertukaran barang.

Kepelbagaian bentuk tembikar yang dijumpai di Jenderam adalah disebabkan kurangnya kepakaran dan juga pembuatan tembikar dalam skala yang besar. Tetapi tembikar ini dipercayai digunakan dalam kehidupan seharian dalam penempatan masyarakat sahaja dan tidak dijadikan barangan perdagangan (Peacock 1982). Penggunaan tembikar yang hanya digunakan secara tempatan menunjukkan perkembangan teknologi pembuatan tembikar yang perlahan semasa zaman prasejarah (McGovern et al. 1985:112; Rye 1981:5; Shepard 1956:314 & Arnold 1985:221). Di Jenderam juga masih tidak terdapat bukti pertukaran tembikar dari luar (Stephen 1998:180) seperti tembikar Arikamedu yang lebih berkualiti dan selalu dijadikan barang dagangan. Stephen (1998) menyatakan terdapat tiga faktor yang menyebabkan perkembangan teknologi pembuatan tembikar menjadi perlahan iaitu (1) tembikar yang

dihasilkan tidak mempunyai nilai ekonomi kerana hanya digunakan secara dalaman dan jika mahu dijadikan objek perdagangan, ia memerlukan kos, masa dan kerja tambahan; (2) kepercayaan pembuat tembikar bahawa hanya kaedah yang telah diguna pakai selama itu sahaja boleh digunakan dan jika membuat sesuatu yang lain daripada kaedah turun-temurun dipercayai sesuatu yang buruk akan berlaku; dan (3) sifat bahan mentah yang memberi kesan kepada pembuatan. Jika pembuat tembikar telah menemui kaedah yang sesuai, mereka tidak akan cuba untuk membuat tembikar menggunakan kaedah yang lain. Kesannya, teknologi pembuatan tembikar tidak berkembang maju daripada segi kaedah pembuatan atau teknologi baharu yang lebih maju.



GAMBAR 7. Antara bentuk tembikar yang dijumpai di Jenderam Hilir

Sumber: Batchelor 1977

## JUMPAAN LAIN

Selain daripada artifak yang telah dibincangkan di atas, di Jenderam Hilir juga terdapat jumpaan seramik China seperti mangkuk Celadon jenis Lung Chuan dan balang batu. Seramik ini menunjukkan terdapatnya kemasukan barang dagangan dari China. Artifak ini mempunyai persamaan dengan seramik yang dijumpai di Lembah Bujang, Kedah. Pentarikhan di Kedah mendapati artifak ini berada dalam abad ke 12 – 13 Masihi. Ini selari dengan jumpaan mangkuk gangsa yang dipercayai di bawa masuk ke pedalaman iaitu Jenderam melalui hubungan perdagangan dengan masyarakat pesisir yang menjadi orang tengah kepada hubungan perdagangan dengan masyarakat asing seperti China.

## SUMBANGAN JENDERAM HILIR TERHADAP ARKEOLOGI MALAYSIA

Tapak Jenderam Hilir merupakan antara tapak prasejarah yang penting di Malaysia kerana ia merupakan salah satu tapak prasejarah terbuka yang ada di Malaysia. Tapak ini juga mempunyai bukti kelangsungan masyarakatnya bermula dari zaman Neolitik sehinggalah zaman sejarah. Oleh yang demikian, tapak ini sangat signifikan kepada perkembangan arkeologi di Malaysia namun malangnya tapak ini telah musnah akibat daripada kerja-kerja melombong bijih timah.

Bukti arkeologi bagi setiap peringkat budaya dapat dilihat melalui artifak yang ditemui di tapak Jenderam Hilir seperti beliung batu (Neolitik Awal & Akhir), kapak batu (Neolitik Akhir), batu pengisar dan landasnya (Neolitik), mangkuk gangsa (700 – 1300 M), mata wang tampang (11 – 19 M) dan tembikar (Neolitik – abad 14 M). Menurut Laidin (1955), lembah Ulu Langat telah dihuni pada masa lampau, terutamanya penduduk Sumatra yang datang sebagai pelombong bijih timah pada abad ke-19. Batchelor (1977) meyakini bahawa tapak Jenderam Hilir telah dihuni oleh masyarakat secara terus menerus sejak 6000 tahun dahulu iaitu dari zaman Neolitik sehingga hari ini. Ini menunjukkan satu penerusan terhadap penggunaan Jenderam Hilir sebagai sebuah penempatan masyarakat setempat dan juga dari Sumatra. Penerusan penggunaan tapak Jenderam Hilir sebagai sebuah penempatan masyarakat sejak 6000 tahun dahulu dikuatkan lagi dengan analisis paleoalam yang telah dilakukan

mendapati tapak Jenderam Hilir berada kurang daripada 10 km daripada mulut sungai yang menghala ke laut. Ini memudahkan kapal-kapal dagang dari luar untuk singgah menggunakan perahu kecil ke Jenderam Hilir untuk mendapatkan barangan dagangan.

Selain daripada kawasan penempatan yang berterusan, tapak Jenderam Hilir juga membuktikan bahawa terdapat interaksi antara masyarakat di Jenderam Hilir dengan masyarakat luar berdasarkan artifak yang ditemui. Jumpaan alat batu repeh zaman Neolitik yang hampir sama seperti yang dijumpai di Kedah dan Kelantan, jumpaan pisau Tembeling, jumpaan periuk berkaki tiga seperti di Kedah. Mata wang tampang seperti yang dijumpai di Kenaboi dan bermacam-macam artifak lain yang mempunyai persamaan dengan kawasan lain. Hal ini telah membuktikan bahawa masyarakat di Jenderam Hilir telah mempunyai interaksi dengan masyarakat luar kawasan mereka pada setiap zaman yang diwakilinya. Mungkin sejak zaman Neolitik, masyarakat Jenderam Hilir telah berinteraksi sehinggalah zaman sejarah. Penelitian lanjut boleh dilakukan untuk melihat sama ada interaksi yang dibuat oleh masyarakat Jenderam Hilir adalah merupakan hasil proses kedatangan masyarakat luar ke Jenderam Hilir, atau masyarakat Jenderam Hilir sendiri keluar berinteraksi dengan masyarakat luar atau kedua-dua proses tersebut saling berlaku. Namun, walaupun kebanyakan artifak yang dijumpai adalah berasosiasi dengan artifak dari luar, terdapat juga beberapa artifak yang aslinya di Jenderam Hilir seperti pisau Dengkil. Hasil analisis saintifik terhadap tembikar juga mendapati tembikar telah dibuat dengan menggunakan bahan mentah yang berada di sekeliling kawasan Jenderam Hilir. Ini membuktikan bahawa masyarakat Jenderam Hilir bukan sahaja masyarakat pengguna, tetapi juga masyarakat yang membuat alatan untuk kegunaan seharian mereka.

Tapak Jenderam Hilir ini juga membuktikan bahawa terdapatnya aktiviti perdagangan antarabangsa dengan jumpaan *celadon* Lungch'uan dan mangkuk gangsa bebas plumbum di tapak Jenderam. Jika diteliti, tapak Jenderam mungkin hanya menjadi pelabuhan pengumpul dan pembekal kepada pelabuhan yang lebih hampir dengan laut seperti Klang. Ini menjadi bukti dengan jumpaan gendang gangsa Dongson di Klang dan mangkuk gangsa di kampung Sungai Lang. Namun, jumpaan mangkuk gangsa dan celadon di Jenderam Hilir turut membuktikan bahawa perdagangan



antarabangsa turut berlaku di Jenderam walaupun mungkin pedagang antarabangsa tersebut hanya menggunakan kapal kecil untuk mudik Sungai Langat untuk ke Jenderam Hilir.

## KESIMPULAN

Artifak menunjukkan masyarakat di Jenderam Hilir telah menggunakan pelbagai perkakas dalam kehidupan mereka. Terdapat beberapa artifak yang diyakini dibuat sendiri oleh masyarakat tempatan dan terdapat juga artifak yang diyakini di bawa daripada luar seperti seramik China.

Artifak yang dibuat atau di bawa dari luar menunjukkan kearifan tempatan masyarakat tempatan waktu itu. Pembuatan barang untuk kegunaan harian menunjukkan secara terus teknologi yang digunakan dan dapat difikirkan oleh masyarakat Jenderam Hilir pada masa lampau. Kemasukan barangan daripada luar menunjukkan kemahiran penduduk tempatan sama ada daripada sudut perdagangan dengan masyarakat asing kerana dipercayai Jenderam Hilir merupakan sebuah pelabuhan pembekal kepada entrepot yang berada di Klang ataupun Kedah.

Kajian secara terperinci melalui kerja-kerja gali cari arkeologi secara terpandu dengan bantuan analisis saintifik dapat menambah maklumat yang kurang berhubung kajian di Jenderam Hilir. Maklumat daripada lapisan stratigrafi dan pentarikhkan mutlak perlu dilakukan untuk menyusun kronologi sebenar lapisan budaya di Jenderam Hilir kerana jumpaan artifak boleh dikategorikan termasuk dalam budaya Neolitik, Zaman Logam sehingga Protosejarah. Melalui lapisan budaya dapat diketahui sama ada Jenderam Hilir diduduki sejak dari zaman Neolitik sehingga kini atau terdapatnya kelompongan budaya pada masyarakat yang menduduki kawasan ini.

## RUJUKAN

- Adi Hj. taha. 1983. Recent archaeological discoveries in Peninsula Malaysia 1976 – 1982. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 56(1): 47 – 63.
- Adi Hj. Taha. 1999. Gua Cha: Satu perkampungan 10,000 tahun silam. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (pnyt.). *Kelantan dalam Perspektif Arkeologi: Satu Kumpulan Esei*, hlm. 238-251. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.
- Ahmad Hakimi Khairuddin. 2011. Adaptasi pesisiran pantai masyarakat Hoabinhian di Malaysia Barat: Satu catatan ringkas. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 24: 1-8.
- Arnold, D.E. 1985. *Ceramic Theory and Cultural Process*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Batchelor, B.C. 1977. Post “Hoabinhian” coastal settlement indicated by finds in stanniferous Langat river alluvium near Dengkil, Selangor, Peninsular Malaysia. *Federation Museums Journal* 22:1-55.
- Laidin, B. Alang Musa. 1955. The Background of the Ulu Langat Valley in Selangor. *Malayan Historical Journal* 2(1): 8 – 11.
- Leong Sau Heng. 1977. Ancient finds from Kampung Jenderam Hilir. *Malaysia in History* 20(ii): 38-47.
- Leong Sau Heng. 1986. A tripod pottery complex in Peninsular Malaysia. Paper presented at the First Conference of the Association of Southeast Asian Archaeologist, Western Europe, Institute of Archaeology London.
- Leong Sau Heng. 1987. Recent research on the Neolithic Peninsular Malaysia. Seminar on Prehistory of Southeast Asia (SPAFA). *Digest* 8(1):20.
- Linehan, W. 1951. Traces of a Bronze Age Culture associated with Iron Age implements in the regions of Klang and the Tembeling, Malaya. *JMBRAS* 24(3): 1-59.
- Lowenstein, J. 1962. The origin of the Malayan Metal Age. *JMBRAS* 29(2): 5-78.
- McGovern, P.E., Vernon, W.W. & White, J.C. 1985. Technology at prehistoric Ban Chiang, Thailand: Physicochemical analysis. *Museum of Applied Science Centre for Archaeology (MASCA) Journal* 3(4): 104-113.
- Mohd Supian Sabtu. 2007. Arkeologi di Selangor: Peranan Sungai Langat dalam konteks kronologi zaman. *PURBA* 26: 1-29.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 1999. Arkeologi di Kelantan: Satu tinjauan sejarah prasejarah dan protosejarah. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (pnyt.). *Kelantan dalam Perspektif Arkeologi: Satu Kumpulan Esei*, hlm. 1-14. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Kelantan.
- Peacock, B.A.V. 1959. A short description of Malayan prehistoric pottery. *Asian Perspective* 3: 121-156.
- Peacock, D.P.S. 1982. *Pottery in the Roman World: An Etnoarchaeological Approach*. London: Longman.
- Rye, O.S. 1981. *Pottery Technology: Principles and Reconstruction*. Washington DC: Taraxacum.
- Shaw, W. & Mohd Kassim B. Haji Ali. 1970. *Tin”hat” and Animal Money*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.
- Shepard, A.O. 1956. *Ceramics for the Archaeologist: Carnegie Institution Publication 609*. Washington DC: Carnegie Institute.
- Sorensen, P. & Hatting, T. 1967. *Archaeological Excavations in Thailand, 2: Ban Kao*. Munksgaard: Copenhagen.
- Stephen Chia. 1997. Prehistoric pottery sources and technology in Peninsular Malaysia based on compositional and morphological studies. *Malaysia Museums Journal* 33: 1-127.
- Stephen Chia. 1998. Indigenous Prehistoric Pottery & technology in Peninsular Malaysia. *Malaysia Museums Journal* 34: 155-192.
- Temple, R.C. 1914. *The obsolete tin currency and money of the Federated Malay States*. Bombay: British India Press.

- Tibbets, G.R. 1956. The Malay Peninsula as known to the Arab geographers. *JTG* 9: 21-60.
- Tweedie, M.W.F. 1953. The stone age in Malaya. *JMBRAS* 26(2): 3-90.
- Wheatley, P. 1959. Geographical notes on some commodities involved in Sung maritime trade. *JMBRAS* 32(2): 1-140.
- William Shaw & Mohd Kassim Haji Ali. 1970. *Tin Hat and Animal Money*. Kuala Lumpur: Muzium Negara Malaysia.
- Zuliskandar Ramli & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 2010. Petempatan masyarakat Zaman Logam di Selangor berdasarkan data arkeologi. *SARI – International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(1): 41-45.
- Zuliskandar Ramli, Ruzairy Arbi, Adnan Jusoh & Azharuddin Mohamad Dali. 2017. Neolithic settlement on the river bank of Kelantan River, Kampung Kubang Pak Amin, Tendong, Kelantan, Malaysia: A new data. *The Social Sciences* 12(8): 1324 – 1333.

Muhamad Shafiq Mohd Ali  
Pegawai Sains  
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA),  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: muhdshafiq@ukm.edu.my

Zuliskandar Ramli (PhD)  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: ziskandar2109@gmail.com

Diserahkan: 10 Mei 2018  
Diterima: 6 Ogos 2018